

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD [PARIT SULONG]

SOALAN NO. 355

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan dalam memastikan apa juu model Real Estate Investment Trust (REIT) yang hendak diperkenalkan tidak akan sesekali menambah beban kepada rakyat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Amanah Pelaburan Hartanah (REITs) di Malaysia telah mula diperkenalkan pada tahun 2005. REITs yang disenaraikan di Bursa Malaysia perlu mendapatkan kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti, di bawah peruntukan Seksyen 212 Akta Perkhidmatan Pasaran Modal 2007. Ia merupakan dana atau sebuah tabung amanah yang memiliki dan menguruskan harta tanah komersial untuk menghasilkan pendapatan.
2. REITs memberikan pilihan kepada pelabur untuk melabur dalam harta tanah komersial berskala besar yang berkualiti tanpa perlu membeli harta tersebut secara langsung. Ia juga memberi aliran pendapatan yang stabil kepada orang ramai untuk menikmati bayaran dividen yang konsisten, hasil pengagihan pendapatan sewaan daripada penyewa asset REITs.
3. Pelaburan di dalam REITs membolehkan rakyat memiliki harta tanah dengan modal yang kecil tanpa terdedah kepada risiko pemilikan harta tanah secara terus.

4. Pertama, REITs boleh mengurangkan kebarangkalian isu ketidakcairan berlaku, di mana pemilik harta tanah akan mengambil masa yang lama untuk menjual harta tanah kepunyaannya. Unit REITs yang tersenarai lebih cair dan mudah ditukarkan kepada wang tunai berbanding harta fizikal kerana REITs didagangkan di pasaran saham.
5. Kedua, harta tanah REITs diuruskan oleh pengurus dana profesional yang mahir dalam pengurusan dan penyelenggaraan harta tanah. Ini berbanding dengan cara pemilikan harta tanah tradisional, di mana pemilik harta tanah perlu menguruskan harta tanah dengan sendiri, sebagai contoh, penyenggelaraan dan kutipan sewa. Oleh itu, REITs dijangka tidak menambah beban rakyat.
6. Kerajaan amat mengalu-alukan penglibatan orang ramai untuk melabur dalam REITs kerana ia mampu merancakkan pasaran harta tanah terutamanya di subsektor harta tanah komersial dan bangunan pejabat melalui pemilikan harta tanah secara kolektif. Pelaburan harta tanah di dalam REITs ternyata berisiko rendah dan boleh memberi pulangan pelaburan yang mampan serta tidak membebankan rakyat.

Sekian, terima kasih.